

29 NOV 1996

Abdullah-UMNO

JANGAN LIHAT MT SEBAGAI PERIMBANGAN ANTARA DUA GOLONGAN, ABDULLAH

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 29 Nov (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata barisan anggota Majlis Tertinggi UMNO tidak harus dipandang sebagai perimbangan antara golongan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata pandangan seumpama itu seharusnya tidak ada kerana Majlis Tertinggi UMNO bekerja sebagai satu pasukan yang baik.

"Saya percaya kami semua boleh bekerjasama untuk kejayaan UMNO dan kerajaan Barisan Nasional," katanya.

Abdullah, yang juga Menteri Luar, berkata demikian ketika diminta mengulas perlantikan Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan UMNO yang baru yang diumumkan Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi parti malam tadi.

Beliau berada di sini sempena Sidang Kemuncak Tidak Formal ketua-ketua kerajaan ASEAN di sini esok.

Katanya, memang ada kalangan yang mahu melihat barisan anggota Majlis Tertinggi sebagai satu perimbangan antara dua golongan tersebut tetapi beliau tidak bersetuju dengan pandangan itu.

Abdullah berkata, Majlis Tertinggi parti merupakan satu pasukan yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan parti.

Mengenai perlantikan Datuk Sabbaruddin Chik dan Datuk Dr Yusof Nor masing-masing sebagai Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan UMNO yang baru, Abdullah berkata mereka yang dilantik presiden parti adalah yang berkebolehan serta boleh memberikan sumbangan kepada UMNO, khususnya kepada kerja-kerja Majlis Tertinggi.

"(Pada mesyuarat Majlis Tertinggi) semalam nampaknya Majlis Tertinggi memberi kerjasama kepada Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan yang baru. Saya ingat tidak ada keraguan tentang kemampuan kedua-dua pemimpin baru itu," katanya. -- BERNAMA

KHY AKD